

Headline	60 peratus jemaah haji Malaysia kini berada di Tanah Suci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	16	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 468
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,404



60 peratus jemaah haji Malaysia kini berada di Tanah Suci

MAKKAH - Hampir 60 peratus atau lebih 12,000 jemaah haji Malaysia kini sudah berada di tanah suci Makkah dan Madinah bagi menunaikan ibadah haji bulan depan.

Pihak berkuasa Arab Saudi menetapkan kuota 22,320 jemaah haji dari Malaysia untuk menunaikan rukun Islam kelima itu tahun ini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia

Tabung Haji (TH) Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, jumlah jemaah haji Malaysia sekarang semakin ramai di Makkah setelah perenungan terus membawa jemaah

haji ke Makkah bermula semalam.

Beliau berkata jemaah haji Malaysia di Makkah kini berjumlah hampir 7,000 orang manakala yang masih berada di Madinah telah berkurangan dan

sedang memasuki Makkah secara berperingkat sehingga 28 Sept.

"Pada hari ini (semalam) tiga lagi penerbangan yang membawa 910 jemaah haji terus ke Makkah dan TH menyambut kira-kira 1,000 jemaah di Makkah termasuk yang tiba dari Madinah pada setiap hari," katanya.

Syed Saleh berkata, setakat ini lima daripada lapan buah maktab TH di Makkah telah beroperasi sepenuhnya dan TH juga telah mengatur program-program untuk jemaah.

Katanya, antara program itu ialah ulangkaji tatacara ibadat haji dan lawatan ke tempat-tempat bersejarah.

"Mulai sekarang, jemaah haji dari Malaysia telah memakai ihram kerana mereka memasuki terus ke Makkah dan perlu mengerjakan umrah."

"Disebabkan itu kita juga menempatkan dua pegawai bimbingan ibadah di setiap stesen bagi membimbing jemaah haji mengenai pantang larang," katanya. -Bernama